

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL. 2/2007

DASAR PENGENAAN DEPOSIT BAGI PERMIT MEMINDAH BAHAN BATUAN DI BAWAH SEKSYEN 74 KANUN TANAH NEGARA 1965

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Neberi Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan setelah menimbang Kertas MMK Bil. 9/829/2007 (7) dalam sidangnya pada 9 Mei 2007 telah bersetuju membuat keputusan sebagaimana berikut :-

1. Kadar bayaran deposit untuk pembaikan jalan di bawah Seksyen 74 ialah :-

- i. Bagi jalan yang berturap maka kadar bayarannya ialah 5 peratus daripada kos pembinaan jalan berturap bagi setiap kilometer;
(Anggaran kos semasa bagi pembinaan jalan berturap ialah RM 100,000.00 bagi setiap kilometer)
- ii. Bagi jalan yang tidak berturap maka kadar bayarannya ialah 5 peratus daripada kos pembinaan jalan batuan dalam bentuk 'crusher-run' bagi setiap kilometer.
(Anggaran kos semasa bagi pembinaan jalan 'crusher-run' ialah RM 20,000.00 bagi setiap kilometer)

2. Pengeanaan deposit di atas dikenakan tertakluk kepada jalan yang digunakan untuk tujuan pemindahan yang melibatkan jalan-jalan yang digunakan oleh orangramai yang diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri atau Persekutuan tetapi tidak termasuk jalan negeri atau persekutuan.

3. Syarat supaya pembaikan jalan yang rosak akibat aktiviti pemindahan bahan batuan hendaklah dimasukkan dalam permit pemindahan bahan batuan (Borang 4C dan 4B Kanun Tanah Negara 1965) dan sebarang pelanggaran syarat berhubung dengan perkara tersebut membolehkan deposit tersebut dirampas oleh Pihak Berkuasa Negeri.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.

t.t

(DATO' HJ MOHD JAMIL BIN MOHAMED)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

1. Semua Pentadbir Tanah
Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB Dato' Tuan Guru Menteri Besar
Negeri Kelantan

2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar
Negeri Kelantan

3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan
Negeri Kelantan

4. YB. Dato' Pegawai Kewangan
Negeri Kelantan

5. YB. Penasit Undang-Undang
Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU

Fail : PTG.KN. 16/3/4 (2)
Bertarikh : 11Jamadil Akhir 1428H
26 Jun 2007